

20/02/2000

Perak lancar CD-Rom papar pelan induk industri pelancongan

IPOH: Kerajaan Perak yang sedang giat mengendalikan promosi Tahun Melawat Perak (TMP) 2000 melancarkan CD-Rom memaparkan prospek serta pelan induk industri pelancongan negeri di sini, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita negeri, Datuk Mazidah Zakaria, berkata CD-Rom itu juga boleh menjadi panduan pelabur dalam sektor pembangunan ekonomi.

"Kandungan CD-Rom itu bersifat menyeluruh iaitu boleh menghubungkan pelbagai sektor ekonomi.

"Selepas meneliti kandungannya, penonton dapat menilai sendiri apakah keistimewaan dan kelebihan yang ada di negeri ini baik dari aspek industri pelancongan mahupun kegiatan lain," katanya mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali melancarkan CD-Rom itu serta merasmikan Pameran Seni Lukis Bandaraya Ipoh 2000," di sini.

CD-Rom itu dihasilkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP). Setakat ini 400 keping sudah dihasil untuk diedarkan.

Pameran seni lukis itu dianjurkan oleh Silveritage Corporation Sdn Bhd, Angkatan Pelukis Darul Ridzuan dan Persatuan Seni Perak.

Mazidah berkata, CD-Rom itu akan diedarkan kepada pelbagai sektor termasuk kementerian, kedutaan dan pertubuhan tertentu untuk dimanfaatkan dalam usaha menarik kedatangan lebih ramai pelancong serta pelabur ke negeri ini.

"Antara kementerian yang dikenal pasti, termasuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta beberapa pejabat kedutaan," katanya.

Sementara itu, Mazidah berkata, Persatuan Pelancongan Perak (PTA) diminta mengatasi masalah kekurangan pemandu pelancong terutama bagi menguruskan pakej lawatan sehari yang mendapat sambutan.

Sementara itu, mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu industri pelancongan tempatan mewujudkan pakej pelancongan khusus untuk pelajar sekolah, Mazidah berkata: "Langkah itu amat baik kerana ia dapat memastikan pembangunan insaniah yang menyeluruh.

"Ini kerana kita bawa pelajar melihat tempat bersejarah, alam semulajadi pada masa yang sama kita libatkan mereka dalam kegiatan kebudayaan," katanya.

Beliau berkata, sektor pelancongan negeri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wajar menimbang cadangan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri itu demi kepentingan sektor berkenaan.

(END)